



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA  
PUAN KAMARIAH BINTI ABDUL HAMID  
MANTAN KETUA PUSTAKAWAN  
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI ALUMNI  
DALAM BIDANG KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN**

**MUHAMMAD SYAZWAN BIN ROLEE**

**(2018676526)**

**NUR AUNI ATHIRAH BINTI S. ROSLI**

**(2018401286)**

**SEMESTER SEPTEMBER 2020 – JANUARI 2021**

## **ISI KANDUNGAN**

<b><i>ABSTRAK</i></b>	<i>i</i>
<b><i>PENGHARGAAN</i></b>	iii
<b><i>SENARAI ABREVIASI</i></b>	iv
<b><i>SENARAI SINGKATAN</i></b>	v
<b><i>RUJUKAN KATA</i></b>	vi
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL</b>	1
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA	1
1.2 PENEMUBUAL KEDUA	2
<b>2.0 BIODATA TOKOH</b>	3
2.1 BIODATA TOKOH	3
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH	4
<b>3.0 SEJARAH LISAN</b>	5
3.1 PENGENALAN	5
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN	6
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	7
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR</b>	8
4.1 TOPIK 1: SEJARAH LISAN	8
4.2 TOPIK 2: SAINS PERPUSTAKAAN	9
<b>5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH</b>	11
<b>6.0 LOG TEMU BUAL</b>	62
<b>7.0 RALAT</b>	93
<b>8.0 GLOSARI</b>	94
<b>9.0 INDEKS</b>	98
<b>10.0 BIBLIOGRAFI</b>	101
<b>11.0 LAMPIRAN</b>	102
11.1 BIOGRAFI TOKOH	102
11.2 SURAT PERJANJIAN	104
11.3 SENARAI SOALAN	105
11.4 DIARI PENYELIDIKAN	115

## ABSTRAK

*Transkrip ini adalah mengenai Puan Kamariah binti Abdul Hamid, seorang mantan Ketua Pustakawan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juga seorang alumni dari Kajian Sains Perpustakaan, Institut Teknologi MARA (ITM). Beliau merupakan figura utama yang membentuk kewujudan transkrip ini dengan perkongsian menerusi temu bual yang dijalankan selama 2 jam 11 minit 19 saat. Temu bual tersebut diadakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Skype yang dikendalikan oleh Muhammad Syazwan bin Rolee dan Nur Auni Athirah binti S. Rosli. Temu bual ini dibahagikan kepada tiga bahagian soalan yang merangkumi soalan-soalan orientasi, soalan umum dan juga soalan spesifik. Bahagian pertama iaitu soalan orientasi menjurus kepada maklumat berkaitan tokoh yang meliputi maklumat diri tokoh, keluarga, kehidupan tokoh semasa kecil, kehidupan tokoh dalam berumah tangga, anak-anak tokoh dan juga latar belakang awal pendidikan tokoh. Seterusnya, bahagian kedua iaitu soalan umum yang menjustifikasi tentang pandangan tokoh terhadap perpustakaan. Manakala untuk bahagian ketiga telah menginterpretasi soalan-soalan spesifik yang mengupas tentang zaman pengajian tokoh semasa di ITM serta perjalanan karier tokoh sebagai seorang pustakawan. Di akhir temu bual, tokoh telah memberikan kata-kata nasihat kepada generasi masa kini khususnya kepada pelajar-pelajar yang menceburi bidang pengurusan maklumat. Transkrip ini bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang sejarah awal penubuhan kursus sains perpustakaan di ITM. Selain daripada itu, transkrip ini juga bertujuan untuk menonjolkan kejayaan seorang tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), ITM dalam bidang pengurusan maklumat dan seterusnya dapat mewujudkan sebuah rekod tentang sejarah dan pengalaman hidup tokoh sebagai seorang alumni. Diharapkan dengan kewujudan transkrip ini dapat memberi kupasan kepada pembaca tentang sejarah sains perpustakaan yang belum pernah diketahui dan juga memberi pengetahuan kepada semua masyarakat tentang dunia kepustakawanan.*

## KATA KUNCI

Institut Teknologi MARA, Pengurusan Maklumat, Pustakawan, Sains Perpustakaan, Temu bual.

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih kepada Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana diatas limpah kurnia dan rahmatNya, kami berdua, Muhammad Syazwan bin Rolee dan Nur Auni Athirah binti S. Rosli dari kumpulan JIM2465B telah berjaya menyiapkan tugasan sejarah lisan untuk kod kursus IMR604 iaitu Dokumentasi Lisan (*Oral Documentation*).

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin, selaku pensyarah kami untuk kursus ini. Beliau telah memberikan tunjuk-ajar yang sepenuhnya sepanjang kami melaksanakan tugasan ini. Beliau juga tidak jemu menasihati dan mengajar kami langkah demi langkah untuk menyempurnakan tugasan ini. Terima kasih kepada Puan Siti untuk segala masa dan usaha yang diberi semasa membantu kami dan seluruh pelajar kelas kami.

Seterusnya, kami ingin titipkan jutaan penghargaan kepada Puan Kamariah binti Abdul Hamid kerana sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi tokoh pilihan untuk tugasan ini. Berkat kesabaran beliau melayani setiap soalan daripada kami dan juga keprihatinan beliau tentang tugasan ini membuatkan kami berasa sangat terharu. Kerjasama yang sepenuhnya telah beliau berikan walaupun proses temu bual terpaksa dilakukan secara atas talian. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada anak beliau, Cik Siti Nurliza binti Saleh di atas pertolongan yang diberikan sebelum sesi temu bual berlangsung.

Selain itu, tanpa dorongan dan semangat yang dibekalkan oleh kedua ibu bapa kami, tidak mungkin kami dapat menyempurnakan tugasan ini dengan sebaik mungkin. Jadi, ribuan terima kasih dan sayang kami tujukan kepada mereka yang semestinya tidak henti-henti mendoakan kejayaan kami. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sekelas yang turut memberi kerjasama secara langsung ataupun tidak langsung. Terima kasih rakan-rakan.

Sejurnya, terlalu banyak ujian dan halangan yang perlu kami berdua hadapi untuk menyiapkan tugasan ini. Apapun, di atas izin Allah Yang Maha Kuasa, berkat kesabaran serta usaha kami berdua dan juga penglibatan pensyarah, tokoh, ibu bapa dan rakan-rakan, telah banyak memudahkan kami untuk menyiapkan tugasan ini.

Terima kasih.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
<i>ALA, UK</i>	Associateship of Library Association, United Kingdom
<i>FRIM</i>	Forest Research Institute Malaysia
<i>HSC</i>	Highest School Certificate
<i>IT</i>	Information Technology
<i>ITM</i>	Institusi Teknologi MARA
<i>JB</i>	Johor Bahru
<i>JPA</i>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<i>KL</i>	Kuala Lumpur
<i>OPAC</i>	Online Public Access Catalog
<i>PKP</i>	Perintah Kawalan Pergerakan
<i>PORIM</i>	Palm Oil Research Institute Malaysia
<i>RRI</i>	Rubber Research Institute
<i>STP</i>	Sijil Tinggi Persekolahan
<i>TV</i>	Televisyen
<i>UiTM</i>	Universiti Teknologi MARA
<i>UK</i>	United Kingdom
<i>UKM</i>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<i>UM</i>	Universiti Malaya
<i>UPM</i>	Universiti Pertanian Malaysia
<i>USM</i>	Universiti Sains Malaysia